



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

JAWATAN KOSONG

- A. Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada anak Negeri Melaka yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan bagi jawatan berikut:-

BIL	JAWATAN	JADUAL GAJI	KENAIKAN GAJI TAHUNAN	BIL KEKOSONGAN
1.	PEMBANTU TADBIR GRED N19	RM 1,352.00 – RM 4,003.00 ITKA - RM 115.00 ITP - RM 300.00 BANTUAN - RM 300.00 SARA HIDUP	RM 100.00	3 (TETAP)
2.	PEMBANTU TADBIR KEWANGAN GRED W19	RM 1,353.00 – RM 4,005.00 ITKA - RM 115.00 ITP - RM 300.00 BANTUAN - RM 300.00 SARA HIDUP	RM 100.00	1 (KONTRAK)
3.	PENGHANTAR NOTIS GRED N11	RM 1,216.00 – RM 2,983.00 ITKA - RM 95.00 ITP - RM 300.00 BANTUAN - RM 300.00 SARA HIDUP	RM 80.00	1 (KONTRAK)
4.	PEMANDU KENDERAAN GRED H11	RM 1,218.00 – RM2,939.00 ITKA - RM 95.00 ITP - RM 300.00 BANTUAN - RM 300.00 SARA HIDUP	RM 80.00	2 (TETAP) 2 (KONTRAK)

JAWATAN 1 – PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau.

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Syarat Tambahan

Calon yang berkebolehan menggunakan *Microsoft Office* atau setaraf.

4. Taraf Jawatan : Tetap (3 Kekosongan)
5. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
6. Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan

JAWATAN 2 – PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik dan Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,353.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40); atau.

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80); atau.

- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80).

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Taraf Jawatan : Kontrak (1 Kekosongan)

4. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

5. Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan

JAWATAN 3 – PENGHANTAR NOTIS GRED N11

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta lesen memandu sekurang-kurangnya Kelas B2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,216.00); atau

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Taraf Jawatan : Kontrak (1 Kekosongan)

4. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

5. Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan

JAWATAN 4 – PEMANDU KENDERAAN GRED H11

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

(ii) Lesen memandu Kelas E/E1/E2/F/G/H/I berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan

(iii) Berkebolehan memandu dan mengendalikan semua jenis jentera pemunggah dalam pelbagai saiz dan kekuatan

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,264.15).

(**Syarat tambahan:** Bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 3. Taraf Jawatan : Tetap (2 Kekosongan)
Kontrak (2 Kekosongan)
- 4. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- 5. Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran

C. CARA-CARA MEMOHON :

- 1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong Majlis Perbandaran Alor Gajah yang boleh didapati melalui laman web MPAG <http://www.mpag.gov.my>
- 2. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil-sijil persekolahan, kad pengenalan, sijil kelahiran, gambar terkini berukuran pasport serta lain-lain dokumen sokongan yang berkaitan.
- 3. Ijazah/Diploma/Sijil yang diberi pengiktirafan Kerajaan Malaysia sebelum Januari 2017 boleh disemak menerusi Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) melalui capaian <https://app.mohe.gov.my/iktiraf/.semakan.php>. Manakala Program yang diberi pengiktirafan Kerajaan mulai Januari 2017, semakan boleh dibuat di Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysia Qualifications Register, MQR*) melalui capaian <http://www2.mqa.gov.my/mqr/> dan melampirkannya bersama borang permohonan.
- 4. Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat (Tetap dan Kontrak) hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan dan pastikan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi disertakan bersama.
- 5. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah ditulis nama jawatan di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan dikirim atau datang sendiri ke Majlis Perbandaran Alor Gajah seperti alamat berikut :-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
LEBUH AMJ
78000 ALOR GAJAH, MELAKA**

D.

TARIKH IKLAN DIBUKA : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

TARIKH IKLAN DITUTUP : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

E. CATATAN AM :

1. Hanya calon-calon yang berkelayakan selepas ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
3. Pihak Majlis Perbandaran Alor Gajah berhak memilih mana-mana calon yang difikirkan layak dan bersesuaian. Keputusan adalah **muktamad**.
4. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai kemahiran dan berpengalaman dengan jawatan yang dipohon.
5. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

Pengesahan Iklan:


MOHD FADHIL BIN HASSAN
Yang Dipertua
~~Majlis Perbandaran Alor Gajah~~

X

R/NSS/hh/ne/iklan jawatankosong2021.doc.